

HUBUNGAN DI ANTARA AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
PRESTASI KESELAMATAN: SATU KAJIAN DI KALANGAN PEKERJA-PEKERJA
KILANG SHORUBBER (MALAYSIA) SDN. BHD.



NURHUDA BINTI YOSMAN

UUM
Universiti Utara Malaysia

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

2015

HUBUNGAN DI ANTARA AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN DAN
PRESTASI KESELAMATAN: SATU KAJIAN DI KALANGAN PEKERJA-PEKERJA
KILANG SHORUBBER (MALAYSIA) SDN. BHD.



Projek Sarjana ini diserahkan kepada Sekolah Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara
Malaysia Sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Sarjana Pengurusan Sumber Manusia
(MHRM)

PERAKUAN KERTAS KERJA

Saya mengesahkan bahawa segala kerja yang dilakukan dalam tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri.



KEBENARAN MERUJUK

Kertas projek penyelidikan ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan bagi pengijazahan program sarjana Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkan sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kertas projek ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia projek iaitu Dr. Fadzli Shah Abd. Aziz. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan UUM perlulah dinyatakan bagi sebarang bentuk rujukan ke atas kertas projek ini.



Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kertas projek ini sama ada keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

Dekan Pusat Pengajian Pasca Siswazah

Othman Yeop Abdullah


Universiti Utara Malaysia

06100,Sintok

Kedah Darul Aman.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan. Enam dimensi amalan pengurusan keselamatan iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan, penglibatan pekerja, komunikasi dan maklumbalas keselamatan, peraturan dan prosedur keselamatan dan dasar mempromosikan keselamatan. Manakala dimensi bagi prestasi keselamatan terdiri daripada dua iaitu penyertaan keselamatan dan pematuhan keselamatan. Bagi mencapai objektif kajian, sebanyak 600 set borang soal selidik telah diedarkan kepada pekerja-pekerja kilang di Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Analisis regresi menunjukkan bahawa komunikasi dan maklumabalas keselamatan dan dasar mempromosikan keselamatan mempunyai hubungan yang signifikan. Manakala faktor-faktor lain iaitu latihan keselamatan, komitmen pengurusan, penglibatan kakitangan dan peraturan dan prosedur keselamatan tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi keselamatan pekerjaan. Kertas ini turut membincangkan hasil dapatan kajian, limitasi kajian dan cadangan untuk kajian lanjutan.



UUM
Universiti Utara Malaysia

ABSTRACT

This study is intended to examine the relationship between safety management practices and safety performance. The dimensions of safety management practices include management commitment, safety training, employee involvement, communication and feedback on safety, safety rules and procedures, and safety promotional policies. The dimensions of the safety performance consists of two are safety participant and safety compliance. To achieve the objectives of the study, a total of 500 sets of questionnaires were distributed to staff at Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Regression analysis showed that safety communication and feedback and safety promotional policies are positively related to job safety performance. Meanwhile, safety training, management commitment, employee involvement and safety rules and procedure are not significantly related to job safety performance. This paper discusses the findings, limitations of the study and suggestions for further research.



UUM
Universiti Utara Malaysia

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana limpah kurnia-Nya maka kertas projek ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Ucapan ribuan terima kasih khasnya kepada Dr. Fazli Shah Abd. Aziz yang telah sudi menjadi penyelia bagi kertas projek ini. Segala nasihat, dorongan dan motivasi akan saya jadikan panduan di masa akan datang. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Amir yang telah sudi memberikan sepenuh kerjasama semasa membuat kajian di Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pensyarah yang telah banyak berjasa membimbing, mendidik dan memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian sarjana saya di Universiti Utara Malaysia. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga saya terutamanya suami saya, Suhardi bin Haris yang sentiasa menjadi tulang belakang kepada saya dan tidak jemu memberi kata semangat kepada saya sepanjang pengajian ijazah sarjana saya ini, ibu saya Yurnaini binti Darussamin dan bapa saya Yosman bin Amiruddin yang sentiasa berdoa tanpa jemu untuk kejayaan saya ini serta ibu mentua saya Saloma binti Mohd Akhir yang sentiasa membantu saya secara tidak langsung bagi menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan MHRM yang banyak memberikan tunjuk ajar, memberikan semangat dan sokongan moral sepanjang tempoh pengajian dan pelaksanaan kertas projek ini. Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN MUKA SURAT

TAJUK	i
PERAKUAN KERTAS KERJA	ii
KEBENARAN MERUJUK	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	x

BAB SATU PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Latar Belakang Organisasi	2
1.4 Pernyataan Masalah	3
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Objektif Kajian	6
1.7 Skop Kajian	7
1.8 Kepentingan Kajian	8

1.9 Pengorganisasian Bab	8
--------------------------	---

BAB DUA KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	10
2.2 Amalan Pengurusan Keselamatan	10
2.2.1 Komitmen Pengurusan	10
2.2.2 Latihan Keselamatan	11
2.2.3 Komunikasi dan Maklumbalas dalam Keselamatan	12
2.2.4 Peraturan dan Polisi Keselamatan	13
2.2.5 Penglibatan Pekerja	14
2.2.6 Dasar Mempromosikan Keselamatan	15
2.3 Prestasi Keselamatan	16
2.3.1 Pematuhan Keselamatan	16
2.3.2 Penyertaan Keselamatan	16

BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	17
3.2 Kerangka Teoretikal	17
3.3 Hipotesis Kajian	19
3.4 Reka Bentuk Kajian	20

3.5 Definisi Operasi	20
3.5.1 Amalan Pengurusan Keselamatan	20
3.5.2 Prestasi Keselamatan	20
3.6 Pembolehubah dan Instrumentasi Kajian	21
3.6.1 Pembolehubah	21
3.6.2 Instrumentasi	21
3.6.3 Borang soal selidik	23
3.7 Populasi dan Pensampelan	24
3.8 Kaedah Pengumpulan Data	24
3.9 Kajian Rintis	25
BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	27
4.2 Pemeriksaan Data	27
4.3 Profil Demografi Responden	27
4.3.1 Jantina	28
4.3.2 Umur	28
4.3.3 Bangsa	29
4.3.4 Tahap Pendidikan	30
4.3.5 Item Status Pekerjaan	30
4.3.6 Item Tempoh Pekerjaan	31

4.4 Analisis Deskriptif	32
4.5 Ujian Korelasi	34
4.6 Analisis Regresi Berganda	36
4.7 Analisa Hipotesis	37
4.8 Kesimpulan	38
BAB LIMA KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	40
5.2 Ringkasan kajian	40
5.3 Perbincangan Hasil Dapatan	41
5.3.1 Prestasi Keselamatan	41
5.3.2 Amalan Pengurusan Keselamatan	41
5.3.3 Hubungan Antara Amalan Pengurusan Keselamatan dan Prestasi	42
5.4 Cadangan kepada organisasi	42
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	43
5.6 Limitasi kajian	44
5.7 Kesimpulan	45
RUJUKAN	46
APENDIKS	49

SENARAI JADUAL

No.	Tajuk	Muka Surat
Jadual 1.1	Statistik Kemalangan Pekerjaan Pada Tahun 2014/2015	5
Jadual 3.1	Taburan Item untuk Soal Selidik Kajian Hubungan Antara Amalan Pengurusan Keselamatan Dan Kesedaran Dikalangan pekerja kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd	24
Jadual 3.2	Keputusan Kebolehpercayaan	26
Jadual 4.1	Statistik Diskritif	33
Jadual 4.2	Nilai Korelasi dan Kekuatan Hubungan Nilai Kolerasi	35
Jadual 4.3	Analisa Korelasi Pearson Diantara Presytasi Keselamatan Dengan Pengurusan Keselamatan	36
Jadual 4.4	Analisa Regrasi Bagi Amalan Pengurusan Keselamatan Dan Prestasi Keselamatan	37

SENARAI RAJAH

No.	Tajuk	Muka Surat
Rajah 3.1	Model Hipotesis (Vinod Kumar & Bhasi ,2010)	18
Rajah 3.2	Kerangka Teoretikal	19
Rajah 4.1	Item Jantina	28
Rajah 4.2	Item Umur	29
Rajah 4.3	Item Antarabangsa	29
Rajah 4.4	Item Pendidikan	30
Rajah 4.5	Item Status Perkerjaan	31
Rajah 4.6	Item Tempoh Perkerjaan	32
Rajah 4.4	Item Pendidikan	30



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengurusan keselamatan di tempat kerja merupakan isu utama bagi setiap organisasi untuk memastikan setiap tugas yang dilaksanakan mengambil kira keselamatan bagi mengurangkan kes-kes kemalangan ditempat kerja. Kemalangan di tempat kerja juga boleh menjejaskan prestasi organisasi dan boleh mengakibatkan kerugian kepada organisasi. Purata kes kemalangan di tempat kerja di Malaysia sepanjang sembilan tahun iaitu daripada tahun 1995 hingga 2003 adalah 91,249 kes setahun, dimana purata kemalangan di tempat kerja dalam sehari adalah 250 kes di Malaysia. Pada tahun 2003, Pertubuhan keselamatan pekerja (SOCSO) Malaysia telah membayar pampasan kepada pekerja yang terlibat dalam kemalangan di tempat kerja dengan jumlah anggaran sebanyak RM 305 juta (New Straits Times, 2004). Disebabkan faktor risiko keselamatan yang tinggi dalam kerja-kerja pembinaan, maka pengambilan penasihat keselamatan dalam bidang kerja pembinaan ini menunjukkan peratusan yang tinggi (Jones,2005). Lebih daripada 20 tahun yang lalu, ianya telah dikenalpasti bahawa pekerja yang mempunyai peluang untuk belajar akan lebih produktif dan menjadikannya lebih berpengalaman (Karasek & Theorell,1990).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Melihat kepada pentingnya aspek keselamatan di tempat kerja dalam setiap organisasi maka dalam kajian ini kita akan membincangkan tentang hubungan antara pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan bagi sesebuah organisasi. Melalui kajian ini, kita akan dapat melihat bagaimana faktor-faktor pengurusan keselamatan (pembolehubah bebas) dapat mempengaruhi prestasi keselamatan (pembolehubah bersandar) dalam sebuah organisasi.

1.3 LATAR BELAKANG ORGANISASI

Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah merupakan salah satu kilang besar yang terdapat di negeri Perlis. Kilang ini adalah merupakan anak syarikat Showa Glove Co. yang beribupejabat di Jepun. Lokasi kilang ini adalah di Jejawi, Perlis dengan keluasan tapak sebanyak 49 ekar. Ianya telah ditubuhkan pada 28 April 1989 dan memulakan operasi pengeluarannya pada Februari 1993. Kilang ini telah mendapat status sebagai gudang pembuatan berlesen (LMW – Licensed Manufacturing Warehouse).

Aktiviti perniagaan utama kilang ini adalah sebagai pengeluar sarung tangan dan isi rumah yang diperbuat daripada getah asli (NR - Natural Rubber), getah Nitrile Butyl (NBR - Nitrile Butyl Rubber), Klorida Polyvinyle (PVC) dan Polyurethane (PU) yang direka khas untuk memberi keselesaan dan perlindungan kepada pengguna akhir. Jumlah pengeluaran kilang ini adalah sebanyak 200 juta pasang sarung tangan dalam setahun. Lebih kurang 80 peratus sarung tangan Showa Glove Co. adalah keluaran kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. dan manakala selebihnya adalah daripada kilang Vietnam dan Jepun. Terdapat tiga jenis sarung

tangan yang dikeluarkan iaitu sarung tangan untuk kegunaan isi rumah, sarung tangan untuk kegunaan industri dan sarung tangan untuk kegunaan pakai buang.

Secara keseluruhannya, kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah dibawah pengurusan Showa Group yang diketuai oleh presiden dan dibantu oleh pengarah setiap cawangan seperti Malaysia, Amerika, Eropah dan Jepun. Sistem pengurusan di Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah diketuai oleh pengarah urusan dan dibantu oleh pengurus besar, pengurus, ketua-ketua bahagian, eksekutif dan penyelia. Terdapat kepakaran pekerja jepun yang ditempatkan di bahagian kejuruteraan dan pengeluaran.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Isu kemalangan ditempat kerja merupakan perkara yang serius dan semakin mendapat perhatian oleh semua pihak kerana ianya boleh mempengaruhi prestasi kerja sesebuah organisasi. Adalah menjadi kewajipan kepada pihak pengurusan organisasi untuk menyediakan dan memastikan tempat kerja adalah sentiasa selamat untuk para pekerja melakukan kerja mereka. Lemahnya pengurusan keselamatan di tempat kerja sememangnya boleh mengundang bahaya kepada para perkerja terutamanya mereka yang terpaksa bekerja menggunakan jentera moden dan bahan kimia yang berbahaya.

Tempat kerja yang kurang selamat boleh mengakibatkan kemalangan dan penyakit yang mungkin akan menjejaskan masa depan pekerja yang terlibat dengan kemalangan ditempat kerja dan pihak pengurusan juga terpaksa menanggung kos kerugian untuk bayaran pampasan dan harta benda yang musnah akibat daripada kemalangan tersebut.

Menurut statistik kemalangan pekerjaan 2012 yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, sektor perkilangan mencatat bilangan kes kemalangan pekerjaan iaitu sebanyak 1682 kes dimana 1535 kes adalah tanpa hilang upaya kekal manakala selebihnya iaitu 147 kes adalah melibatkan mangsa yang hilang upaya kekal.

Hasil daripada temubual yang dilakukan bersama Encik Amir iaitu pegawai bahagian pengurusan keselamatan Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd., kilang tersebut mempunyai lebih kurang tiga ribu pekerja. Terdapat bahagian khusus untuk keselamatan kerja yang akan memantau keselamatan kerja di Shorubber. Masalah yang dihadapi oleh pihak pengurusan keselamatan kerja di Shorubber ialah sikap pekerja terhadap amalan keselamatan di tempat kerja.


Pihak pengurusan telah berusaha untuk menyediakan sistem pengurusan keselamatan yang sistematik dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan keselamatan terhadap kakitangan Shorubber mengikut standard keselamatan yang telah ditetapkan. Selain itu latihan keselamatan juga turut diberikan kepada setiap pekerja baru dan latihan keselamatan untuk pekerja lama adalah setiap dua tahun sekali.

Shorubber amat menitikberatkan soal keselamatan ditempat kerja dan peruntukkan yang besar turut disediakan bagi memastikan tahap keselamatan di tempat kerja adalah baik. Selain latihan keselamatan yang diberikan oleh pihak pengurusan sendiri, Shorubber juga turut menjemput jurulatih keselamatan dari luar untuk memberikan taklimat keselamatan kepada kakitangan Shorubber bagi meningkatkan lagi pengetahuan mereka tentang keselamatan di tempat kerja.

Pekerja Shorubber terdiri daripada warga tempatan dan warga asing dimana 70% adalah warga tempatan dan selebihnya adalah warga asing. Mengikut statistik kemalangan kerja di Shorubber, kebanyakan pekerja yang terlibat dengan kemalangan kerja adalah terdiri daripada warga asing. Antara faktor utama kepada kemalangan kerja adalah dari segi bahasa di mana mereka kurang faham ketika latihan keselamatan diberikan walaupun jurubahasa digunakan semasa latihan diadakan.

Faktor lain yang turut menyumbang kepada kemalangan kerja di Shorubber ialah sikap sambil lewa pekerja ketika melakukan tugas mereka di tempat kerja yang tidak menitikberatkan keselamatan. Kebanyakan kemalangan yang berlaku di Shorubber adalah disebabkan faktor kecuaiannya oleh pekerja sendiri. Mereka juga didapati sering tidak mematuhi prosedur keselamatan yang lengkap ketika melakukan kerja.

Terdapat jawatan kuasa keselamatan yang ditubuhkan di Shorubber bagi meningkatkan lagi tahap kesedaran keselamatan dikalangan pekerja Shorubber. Jawatan kuasa keselamatan ini terdiri daripada pihak pengurusan yang mewakili majikan dan wakil daripada pekerja. Jawatan kuasa ini akan bermesyuarat tiap tiga bulan sekali bagi membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan kerja di Shorubber.



Jadual 1.1

Statistik kemalangan di Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. pada tahun 2014 dan 2015.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

Menurut kajian yang dilakukan oleh Cameron Iain, Hare Billy dan Duff Roy (2013), peranan penasihat keselamatan dan apa yang dilakukannya terhadap pengurusan keselamatan adalah lebih penting dan mempengaruhi prestasi keselamatan sesebuah organisasi.

Dalam kajian ini kita akan mengkaji sejauh manakah peranan organisasi dapat mempengaruhi prestasi keselamatan sesebuah organisasi. Persoalan utama yang akan dibincangkan adalah:

1. Adakah pekerja mematuhi peraturan dan prosedur keselamatan di tempat kerja?
2. Adakah pekerja terlibat dalam aktiviti keselamatan ditempat kerja?

3. Adakah amalan pengurusan keselamatan di tempat kerja yang diamalkan antara pihak pengurusan dan pekerja mempengaruhi prestasi keselamatan organisasi?

1.6 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan kajian seperti yang dinyatakan sebelumnya.

1. Mengkaji keberkesanan amalan pengurusan keselamatan yang diberikan kepada pekerja terhadap prestasi keselamatan organisasi.

2. Mengkaji hubungan penglibatan keselamatan di tempat kerja oleh pekerja terhadap prestasi keselamatan organisasi.

3. Mengkaji pengaruh penyertaan keselamatan pekerja terhadap amalan pengurusan keselamatan di tempat kerja antara pihak pengurusan terhadap prestasi keselamatan organisasi.

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini dilakukan di Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Ianya mengkaji hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan di kalangan pekerja kilang Shorubber. Jumlah pekerja-pekerja kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah seramai 2791 orang dan pekerja-pekerja kilang tersebut terdiri daripada

pekerja tempatan seramai 1804 orang dan pekerja asing seramai 987 orang. Ada di antara mereka berstatus pekerja tetap dan pekerja kontrak.

Untuk kajian ini, pekerja tempatan telah dipilih sebagai responden untuk menjawab soalan-soalan dalam borang soal selidik bagi tujuan menilai amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan pekerjaan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Ini adalah kerana Bahasa Melayu telah digunakan dalam borang soal selidik dan dapat difahami 100 peratus oleh responden yang terdiri daripada pekerja tempatan berbanding pekerja asing.

1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji beberapa elemen penting yang berkaitan dengan peranan organisasi terhadap prestasi keselamatan di tempat kerja. Selain itu, melalui kajian ini juga dapat melihat hubungan antara peranan organisasi dan prestasi keselamatan dalam sesebuah organisasi. Antara kepentingan kajian yang lain adalah:

1. Dapat menyumbang kepada kajian tentang pengurusan keselamatan dengan lebih mendalam lagi.
2. Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada pihak pengurusan tentang kaedah yang lebih sesuai dan efektif yang boleh digunakan kepada perkerja untuk meningkatkan prestasi keselamatan organisasi.
3. Kajian ini juga dapat membantu organisasi untuk mengenal pasti kelebihan dan kekurangan dalam pengurusan keselamatan yang diamalkan dalam organisasi.

1.9 PENGORGANISASIAN BAB

Kajian ini mengadungi lima bahagian utama. Bab pertama adalah membincangkan tentang pengenalan kepada kajian yang terdiri daripada latar belakang kajian, latar belakang organisasi, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, dan kepetingan kajian ini.

Bab kedua pula akan membincangkan mengenai ulasan karya yang diperolehi daripada kajian-kajian lepas yang berkenaan dengan amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan. Terdapat enam dimensi yang terdapat dalam amalan pengurusan keselamatan (pemboleh ubah bebas) dan dua dimensi dalam prestasi keselamatan (pemboleh ubah bersandar) yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut berpandukan kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan.

Bab tiga pula adalah berkaitan kaedah kajian atau metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Antara perkara berkaitan yang akan diterangkan dalam bab ini adalah kerangka konseptual untuk kajian ini, hipotesis kajian, rekabentuk kajian, definisi operasional yang digunakan, pemboleh ubah- pemboleh ubah dan instrumentasi kajian, pengumpulan data kajian, populasi dan sampel kajian, kajian rintis yang telah dilakukan serta teknik yang digunakan untuk menganalisa data juga akan diterangkan.

Bab empat adalah membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang telah diperolehi. Perkara berkaitan pemprosesan data, profil demografi responden, uian kebolehpercayaan bagi item dalam boring soal selidik, analisa korelasi antara pemboleh ubah dan hipotesis kajian.

Bab lima iaitu bab yang terakhir adalah berkenaan dengan huraian yang menrangkumi ringkasan kajian, perbincangan mengenai hasil kajian, cadangan kepada organisasi dan limitasi kajian.



BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Kajian ini membincangkan isu-isu berkenaan hubungan antara peranan organisasi dan prestasi keselamatan. Terdapat dua pemboleh ubah yang dibincangkan iaitu peranan organisasi (pemboleh ubah tidak bersandar) dan prestasi keselamatan (pemboleh ubah bersandar. Bab ini akan membincangkan mengenai kajian lepas tentang peranan organisasi dan prestasi keselamatan.

2.2 AMALAN PENGURUSAN KESELAMATAN

2.2.1 Komitmen Pengurusan

Setiap organisasi sekurang-kurangnya terdapat satu bahagian yang menguruskan tentang keselamatan ditempat kerja. Untuk organisasi yang lebih besar seperti kilang contohnya, mereka mempunyai satu bahagian berkaitan keselamatan yang disebut sebagai OSH (Occupational, Safety and Health) untuk memantau dan membuat laporan tentang keselamatan ditempat kerja.

Peranan organisasi iaitu komitmen oleh pihak pengurusan didefinisikan sebagai usaha pihak pengurusan untuk menyediakan program-program keselamatan dan pencegahan kemalangan pekerjaan melalui latihan kepada pekerja dan penyertaan pihak pengurusan dalam jawatankuasa keselamatan dan menyemak reka bentuk keselamatan kerja (Arboleda et al., 2003).

Kajian yang lepas menunjukkan terdapat hubungan antara peranan organisasi iaitu amalan dan gaya kepimpinan terhadap prestasi keselamatan di tempat kerja

serta pendekatan yang berlainan untuk pekerja yang berbeza mengenai keselamatan. Sesetengah pekerja mengambil serius langkah berjaga-jaga mengenai keselamatan di tempat kerja, manakala yang lain pula seolah-olah tidak berminat dan mempunyai sikap yang negatif terhadap peningkatan prestasi keselamatan (Lu & Yang, 2010).

Jika pihak pengurusan atasan memberi komitmen terhadap isu-isu keselamatan, ianya mungkin boleh menjadi sumber yang mencukupi untuk menyokong pembangunan dan pelaksanaan aktiviti keselamatan (Eiff, 1999).

Mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang di peruntukkan di bawah Bahagian XI iaitu kuasa diberikan kepada Pegawai Keselamatan dan Kesihatan untuk mengambil tindakan bagi melaksanakan tujuan akta tersebut. Perlaksanaan tersebut boleh dilakukan dengan cara memasuki premis, memeriksa, meneliti, mengeledah, mengambil salinan, menyita dan menyiasat dan kemudians, dengan memberikan notis kepada majikan.

2.2.2 Latihan Keselamatan

Latihan adalah amat penting untuk terus dikemaskini dalam menerangkan amalan pengurusan yang menjurus ke arah peningkatan prestasi pekerja (Poulston, 2008). Pengetahuan latihan keselamatan didefinisikan sebagai pengetahuan keselamatan yang diberikan kepada pekerja untuk mereka bekerja dengan selamat dan tanpa bahaya (Abdullah et al., 2009, p.56). Untuk mendorong perkerja melakukan kerja mereka dengan cara yang selamat, latihan keselamatan perlulah direka dan dirogramkan supaya ianya lebih praktikal untuk diamalkan (Vredenburg, 2002).

Menurut Salmien (2004), kadar kecederaan yang lebih tinggi berlaku kepada pekerja muda tetapi mempunyai kadar kematian yang lebih rendah berbanding

pekerja yang berkhidmat lebih lama. Selain itu, Lauver (2007) menyatakan kurangnya pengetahuan boleh mengakibatkan pekerja yang tidak berpengalaman mengalami kecederaan dan pekerja yang berpengalaman hanya mendapat risiko tambahan.

Menurut Osterman (1995), latihan mendorong kepada kemahiran penyelesaian masalah kepada pekerja. Selain itu, program latihan juga dapat membantu organisasi dalam menentukan matlamat, mencapai matlamat organisasi, dan kemahiran professional (Cabrera, Fernaud, D'iaz, 2007; Geller & Williams, 2001).

Dalam konteks keselamatan dan kesihatan, latihan kepada pekerja bergantung kepada sifat pekerjaan, dimana ianya memainkan peranan penting dalam menyelesaikan tugas yang tertentu (Young, Brelsford, & Wogalter, 1990).

Oleh itu, latihan keselamatan adalah dilihat sebagai sangat penting dan pihak pengurusan harus mengambil berat hal berkaitan latihan keselamatan ditempat kerja bagi mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan ditempat kerja.

2.2.3 Komunikasi Dan Maklumbalas Keselamatan

Menurut Kletz (1993), komunikasi dan maklum balas adalah didefinisikan sebagai faktor utama dalam penyediaan maklumat dan data mengenai tahap keselamatan organisasi. Komunikasi dan maklum balas digunakan oleh pengurus bagi menentukan tahap risiko akibat kemalangan di tempat kerja. Komunikasi juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan organisasi dan individu dalam menyelesaikan kerja mereka dan mencapai matlamat yang mereka inginkan (Eshraghi & Salehi, 2010).

Dalam konteks keselamatan, Vinodkumar dan Bhasi (2010) menyatakan komunikasi yang konsisten tentang isu keselamatan dikalangan pihak pengurusan, penyelia dan pekerja adalah amalan pengurusan yang efektif untuk meningkatkan tahap keselamatan ditempat kerja.

Komunikasi dua hala adalah salah satu bentuk komunikasi yang boleh digunakan dalam organisasi. Ini kerana komunikasi dua hala adalah kerana penglibatan aktif oleh kedua-dua belah pihak iaitu antara majikan dan pekerja ketika memberikan cadangan dan tingkahlaku seseorang pekerja dapat dipengaruhi semasa mereka melakukan kerja (Vrendenburgh,2002).

Menurut Mohamed (2003), satu medium komunikasi untuk membincangkan matlamat dan objektif keselamatan yang jelas. Menurut Smith et al. (2008) pula, tumpuan kepada perkongsian isu berkaitan kemalangan dan penerimaan maklum balas daripada pekerja adalah perlu dalam komunikasi.



2.2.4 Peraturan Dan Prosedur Keselamatan

Keberkesanan pengurusan keselamatan dapat ditingkatkan dengan adanya peraturan dan prosedur keselamatan yang teratur dan ianya dilaksanakan dengan baik oleh pihak pengurusan selain dapat menyemai amalan tingkah laku yang selamat ditempat kerja dikalangan pekerja (Vinodkumar dan Bhasi, 2010). Menurut Xunpeng Shi (2009), kemalangan dapat dikurangkan dengan adanya peraturan keselamatan ditempat kerja serta meningkatkan prestasi keselamatan dengan memperbaikinya secara menyeluruh.

Menurut Kin Dorji dan Bonaventura (2006), untuk mencapai keputusan berkaitan hal-hal keselamatan, peranan pihak pengurusan adalah amat penting

dimana pihak pengurusan haruslah menfokuskan kepada pendidikan dan latihan berdasarkan kepada sistem pengurusan keselamatan, peraturan keselamatan, faedah dan syarat-syarat yang berkaitan dengan keselamatan.

Peranan maklumbalas adalah sangat penting untuk menerangkan prestasi pekerja kerana tingkahlaku pekerja adalah bergantung kepada perkara atau isu yang baru seperti perkembangan maklumat mengenai bahaya dan ancaman. Oleh sebab itu, komunikasi dan maklumbalas yang efektif dapat membantu pihak pengurusan mengenal pasti masalah di tempat kerja dan dapat mencari penyelesaian masalah secepatnya (Pandey & Garnett, 2006).

2.2.5 Penglibatan Pekerja

Penglibatan pekerja didefinisikan sebagai penyertaan perkerja dan ianya adalah berkenaan dengan tingkah laku yang berorientasikan teknik mengumpulkan pekerja secara individu atau berkumpulan dalam meningkatkan komunikasi dan proses membuat keputusan dalam organisasi (Khan, 2010; Vinodkumar & Bhasi 2010). Pekerja yang layak untuk membuat cadangan tentang penambahbaikan adalah pekerja yang bersungguh terhadap kerjanya (Vredenburgh, 2002). Oleh itu, Kane Urrabazo (2006), menyatakan pekerja haruslah diberi kuasa dan membenarkan penyertaan pekerja dalam membuat keputusan organisasi.

Penglibatan pekerja dalam keselamatan pekerjaan adalah diukur melalui tahap penglibatan pekerja dalam proses membuat keputusan, komitmen pengurusan terhadap isu keselamatan, penglibatan pekerja dalam hal berkaitan keselamatan dan perbincangan mengenai isu keselamatan ditempat kerja (Cox dan Cheyne, 2000). Ini

menunjukkan bahawa penglibatan pekerja adalah penting bagi mencegah dan mengurangkan kadar kemalangan ditempat kerja.

2.2.6 Dasar Mempromosikan Keselamatan

Dasar mempromosikan keselamatan merupakan salah satu cara yang digunakan oleh organisasi untuk mengelakkan serta mengurangkan kadar kemalangan pekerjaan. Menurut kajian yang dilakukan oleh Vredenburgh (2002), bagi memastikan pekerja sentiasa bermotivasi dan mengamalkan tingah laku selamat di tempat kerja maka sistem ganjaran perlu diaplikasikan oleh organisasi.

Pemberian insentif, pengiktirafan dan penghargaan terhadap pekerja dapat meningkatkan motivasi pekerja untuk mengamalkan tingkah laku selamat di tempat kerja (Hagan, Montgomery & O'Reilly, 2001). Pemberian insentif berupa wang (monetary incentives) dapat mengurangkan kadar peningkatan kemalangan ditempat kerja (Haines et al, 2001) & Hinze, 2002). Ini menunjukkan bahawa pemberian insentif dan penghargaan kepada pekerja dilihat sebagai antara sistem ganjaran yang berkesan bagi mengurangkan kadar kemalangan ditempat kerja. Bagi sistem yang menggunakan kaedah denda dan hukuman pula dilihat sebagai tidak efektif bagi mengurangkan kadar kemalangan ditempat kerja (Hinze, Teo et al.; 2005).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Yazam (2001), bagi mempromosikan serta menggalakan piawaian yang tinggi bagi isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan maka pelbagai inisiatif dan rangka kerja telah disediakan oleh pihak kerajaan. Antara piawaian yang telah ditetapkan ialah persekitaran yang selamat untuk bekerja haruslah disediakan oleh semua majikan di Malaysia kepada semua pekerja dan ianya haruslah dipatuhi.

2.3 PRESTASI KESELAMATAN

Menurut Ali et al (2004) konsep prestasi keselamatan boleh dianggap alternatif kepada petunjuk untuk pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan sebagai satu set sistem kerja dan amalan sistem kerja yang dihasilkan oleh pengurusan keselamatan.

2.3.1 PEMATUHAN KESELAMATAN

Menurut Neal, Griffin dan Hart (2000), pematuhan keselamatan adalah perbuatan yang dilakukan oleh seseorang pekerja bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan mereka secara individu. Contohnya apabila pekerja mematuhi peraturan iaitu memakai peralatan perlindungan peribadi (PPE) semasa bekerja. Pekerja yang memotivasikan diri mereka untuk mematuhi peraturan dan melakukan kerja mengikut prosedur keselamatan menggambarkan pematuhan peraturan oleh pekerja.

2.3.2 PENYERTAAN KESELAMATAN

Bagi penyertaan keselamatan pula ianya ditakrifkan sebagai tingkah laku pekerja dalam menyokong terhadap isu keselamatan ditempat kerja yang dikongsi bersama-sama rakan sekerja yang lain (Hagan, Montgomery & O'Reilly, 2001). Ia menjelaskan tentang tindakan yang diambil oleh pekerja yang tidak secara langsung mempengaruhi keselamatan individu dan ianya dilakukan untuk membantu dalam menghasilkan persekitaran yang lebih selamat. Contoh bagi penyertaan keselamatan adalah dengan menyertai perbincangan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang menggalakkan pekerjanya memberikan cadangan berkaitan isu yang dibentangkan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data, mengukur data dan memproses data. Dalam bab ini juga akan diterangkan mengenai instrumen kajian yang digunakan, populasi, pensampelan data dan analisis data untuk kajian yang dijalankan.

3.2 KERANGKA TEORETIKAL


Kerangka teoretikal adalah satu bentuk struktur yang menunjukkan hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian. Merujuk kepada perbincangan pernyataan masalah di dalam Bab 1, terdapat dua pembolehubah yang digunakan iaitu amalan pengurusan keselamatan (pembolehubah tidak bersandar) dan prestasi keselamatan (pembolehubah bersandar) di kalangan pekerja di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd.

Untuk membina kerangka teoretikal bagi kajian ini, asas pembangunan kerangka adalah dengan mengambil model hipotesis yang di ambil daripada Vinodkumar dan Bhasi (2010).



Rajah 3.1: Model Hipotesis (Vinodkumar & Bhasi, 2010)

Kajian ini menfokuskan kepada amalan pengurusan keselamatan dan prestasi pekerja di Shorubber. Pemboleh ubah bersandar untuk kajian ini ialah prestasi keselamatan dan terdapat dua komponen iaitu pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan manakala pemboleh ubah tidak bersandar pula adalah amalan pengurusan keselamatan dimana terdapat enam komponen didalamnya iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan, penglibatan pekerja, komunikasi dan maklumbalas keselamatan, peraturan dan prosedur keselamatan dan dasar mempromosikan keselamatan.



Rajah 3.2: Kerangka Teoretikal

3.3 HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang terlibat dalam kajian, beberapa hipotesis telah dibina.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara komitmen pengurusan dan prestasi keselamatan.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara latihan keselamatan dan prestasi keselamatan.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara penglibatan pekerja dan prestasi keselamatan.

H4: Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara komunikasi dan maklumbalas keselamatan terhadap prestasi keselamatan.

H5: Terdapat hubungan yang signifikan positif di peraturan dan prosedur keselamatan terhadap prestasi keselamatan.

H6: Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara dasar mempromosikan keselamatan dan prestasi keselamatan.

3.4 REKABENTUK KAJIAN

Untuk kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan untuk mendapatkan data yang diperlukan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden untuk diisi. Responden untuk kajian ini adalah pekerja-pekerja di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd.

3.5 DEFINISI OPERASIONAL

3.5.1 Amalan Pengurusan Keselamatan

Menurut Kirwan (1998), amalan pengurusan keselamatan merupakan suatu amalan peranan dan fungsi sebenar yang dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam mengekalkan keselamatan di tempat kerja.

3.5.2 Prestasi Keselamatan

Dalam kajian ini, prestasi diukur melalui pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan. Griffin dan Neal (2000) mentakrifkan, pematuhan keselamatan adalah perkara-perkara asas yang berkaitan peraturan keselamatan yang dipraktikkan oleh pekerja bagi memastikan keselamatan semasa mereka bekerja dan penyertaan keselamatan pula ditakrifkan sebagai tingkah laku pekerja yang mengambil kira aspek keselamatan semasa bekerja dan menjadikan suasana tempat kerja adalah selamat.

3.6 PEMBOLEHUBAH DAN INSTRUMEN KAJIAN

3.6.1 Pembolehubah

Pembolehubah-pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini adalah pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar bagi kajian ini adalah prestasi keselamatan. Manakala pembolehubah tidak bersandar untuk kajian ini adalah amalan pengurusan keselamatan. Terdapat enam dimensi yang digunakan dalam pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan, penglibatan pekerja, komunikasi dan

maklumbalas keselamatan, peraturan dan prosedur keselamatan dan dasar mempromosikan keselamatan. Untuk pembolehubah bersandar pula terdapat dua dimensi yang digunakan iaitu pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan.

3.6.2 Instrumentasi

a) Amalan pengurusan keselamatan

Terdapat enam dimensi bagi amalan pengurusan keselamatan iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan, penglibatan pekerja, komunikasi dan maklumbalas keselamatan, prosedur dan peraturan keselamatan dan dasar mempromosikan keselamatan. Instrumen yang digunakan untuk mengukur dimensi komitmen pengurusan diambil daripada Cheye, Cox, Oliver & Thomas (1998). Bagi instrumen latihan keselamatan pula diambil daripada Cox dan Cheyne (2000). Manakala instrumen bagi penglibatan pekerja diambil daripada Coyle, Sleeman & Adam (1995). Instrumen untuk dimensi komunikasi dan maklumbalas keselamatan pula ianya diambil daripada Flin, Mearns, O'Connor & Bryden (2000). Instrumen bagi dimensi peraturan dan prosedur keselamatan diambil daripada Glendon & Litherland (2001) dan instrumen bagi dasar mempromosikan keselamatan diambil daripada Neal, Griffin & Hart (2000).

Instrumen-instrumen tersebut telah digunakan oleh Vinodkumar dan Bhasi (2010) bagi menilai dan mengukur amalan pengurusan keselamatan organisasi terhadap pekerja-pekerja dalam industri petrokimia. Selain itu, dalam kajian Subramanian, Md Lazim dan Rohani (2013) yang melibatkan pegawai-pegawai bomba gred KB17 di 9 buah balai bomba di Selangor, instrumen-instrumen ini turut digunakan.

b) Prestasi keselamatan

Terdapat dua dimensi bagi pemboleh ubah prestasi keselamatan iaitu pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan. Bagi dimensi pematuhan keselamatan, instrumen telah diambil daripada Williamson, Feyer, Cairns dan Biancotti (1997). Manakala instrumen bagi dimensi penyertaan keselamatan diambil daripada Neal & Griffin (2002).

Kedua-dua instrumen ini juga turut digunakan dalam kajian Vinodkumar & Bhasi (2010) berkaitan dengan amalan pengurusan keselamatan organisasi. Selain itu, Chen & Chen (2014) turut menggunakan instrumen ini dalam kajian mereka terhadap juruterbang di syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa di Taiwan bagi mengukur hubungan antara amalan pengurusan keselamatan terhadap tingkah laku keselamatan oleh juruterbang-juruterbang di syarikat berkenaan.

3.6.3 BORANG SOAL SELIDIK

Borang soal selidik telah diedarkan dan digunakan dalam kajian ini. Set borang soal selidik yang digunakan untuk mengukur hubungan di antara amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd ini telah diadaptasi daripada set asal borang soal selidik yang telah dibangunkan oleh Vinodkumar dan Bhasi (2010). Terdapat tiga bahagian dalam borang soal selidik iaitu bahagian pertama terdiri daripada item-item yang berkaitan dengan demografi, bahagian kedua terdiri daripada item-item yang berkaitan dengan pemboleh ubah

bebas dan bahagian ketiga terdiri daripada item-item yang berkaitan dengan pembolehubah bersandar.

Terdapat 8 soalan untuk bahagian pertama yang berkenaan dengan maklumat latar belakang responden. Bahagian kedua pula mengandungi 35 soalan dimana ianya direka untuk mengukur persepsi pekerja terhadap amalan pengurusan keselamatan di tempat kerja. Manakala untuk bahagian ketiga pula terdapat 12 soalan yang mengukur tahap prestasi pekerja terhadap keselamatan pekerjaan di tempat kerja.

Skala Likert yang menggunakan 5 mata iaitu 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju) digunakan untuk pengukuran bagi setiap soalan dalam set borang soal selidik. Semua responden haruslah mengisi setiap ruang yang disediakan pada set borang soal selidik tersebut berdasarkan skala yang ditentukan oleh format skala Likert

Bahagian	Aspek Penilaian	Bil. Item Soalan
1	Latar Belakang Responden	8
2	Komitmen Pengurusan	9
	Latihan keselamatan	6
	Penglibatan kakitangan	5
	Komunikasi Keselamatan dan Maklumbalas	5
	Peraturan dan Prosedur Keselamatan	
	Dasar Mempromosikan Keselamatan	5
		5
3	Pematuhan Keselamatan	7
	Penyertaan Keselamatan	5

Jadual 3.1: Taburan Item Untuk Soal Selidik Kajian Hubungan Antara Amalan Pengurusan Keselamatan dan Kesedaran Keselamatan Di Kalangan Pekerja Kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd.

3.7 POPULASI DAN PENSAMPELAN

Populasi untuk kajian ini adalah pekerja-pekerja yang berkhidmat di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh pegawai daripada jabatan sumber manusia Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd., jumlah pekerja di kilang tersebut adalah seramai 2791 orang pekerja. Menurut jadual Krejcie dan Morgan (1970), dengan saiz populasi berjumlah 2791 orang pekerja, saiz minimum sample untuk kajian ini adalah sebanyak 335 orang pekerja.


3.8 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Sebanyak 500 set borang soal selidik telah diedarkan untuk fasa pertama iaitu pada 20 Ogos 2015 dan di kutip semula pada 5 September 2015 dengan jumlah set yang dikembalikan adalah 200 set. Masalah yang dihadapi ketika mengedar dan mengumpulkan kembali set borang soal selidik adalah disebabkan tidak mendapat kerjasama yang sepenuhnya daripada responden. Masalah ini mungkin timbul akibat responden kesuntukan masa untuk menjawab set borang soal selidik semasa waktu berkerja serta tempoh dua minggu yang diberikan agak singkat untuk mengutip kembali jumlah set borang soal selidik yang lebih banyak. Oleh itu, sebanyak 100 set borang soal selidik lagi telah diedarkan kepada responden yang baru untuk fasa kedua iaitu pada 15 September 2015 dan dikutip semula pada 22 September 2015 untuk menambahkan jumlah kutipan set borang soal selidik yang telah lengkap dijawab oleh responden untuk kajian ini. Daripada 100 set itu, hanya 50 set yang

lengkap dan boleh digunakan dan selebihnya adalah set borang soal selidik yang rosak. Oleh itu, jumlah set borang soal selidik yang telah lengkap dijawab dan boleh digunakan untuk kajian ini adalah sebanyak 250 set iaitu sebanyak 41.67 peratus. Dengan kata lain, kadar respon bagi kajian ini adalah 41.67 peratus.

3.9 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis telah dilakukan terhadap responden daripada kilang Inari (Malaysia) Sdn. Bhd. Kajian rintis yang dijalankan ini adalah untuk melihat kebolehpercayaan item-item dalam boring soal selidik yang akan digunakan dalam kajian sebelum diedarkan kepada responden yang sebenar. Seramai 30 orang pekerja kilang Inari



Pembolehkan	Bilangan Item	Cronbach's Alpha
--------------------	----------------------	-------------------------

(Malaysia) Sdn. Bhd. telah dipilih untuk kajian rintis ini.

Pengurusan Keselamatan	25	0.832
Komitmen Keselamatan	5	0.754
Latihan Keselamatan	4	0.781
Penglibatan Kakitangan	4	0.584
Komunikasi Keselamatan dan Maklumbalas	3	0.785
Peraturan dan Prosedur Keselamatan	4	0.818
Dasar Mempromosikan Keselamatan	5	0.747
Prestasi Keselamatan	11	0.893
Pematuhan Keselamatan	6	0.790
Penyertaan Keselamatan	5	0.858

Jadual 3.2: Keputusan Kebolehpercayaan

Jadual 3.1 menunjukkan nilai 'cronbach alpha' untuk dimensi pemboleh ubah bebas adalah positif iaitu daripada nilai 0.584 hingga 0.893. Menurut Sekaran (2000), item yang mempunyai nilai "cronbach alpha" yang lebih daripada 0.6 boleh diterima pakai. Didapati, hanya nilai "cronbach alpha" untuk item penglibatan kakitangan sahaja yang kurang daripada 0.6 iaitu 0.584 manakala selebihnya adalah melebihi nilai 0.6 dan boleh diterima pakai.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN.

4.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada soal selidik yang telah digunakan bagi kajian ini. Perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 19 for Windows Seven (7) digunakan untuk penganalisan data. Sebanyak 600 set borang soal selidik telah diedarkan dan hanya 250 set borang soal selidik yang dikembalikan dan boleh diguna pakai dalam kajian ini. Daripada data tersebut, data akan dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif, analisis inferensi dan analisis regresi.

4.2 PEMERIKSAAN DATA


Setiap borang soal selidik yang telah dikutip iaitu sebanyak 250 set daripada 600 set yang telah diedarkan, didapati semua borang soal selidik telah diisi dengan lengkap dan boleh digunakan untuk kajian ini.

4.3 PROFIL DEMOGRAFI RESPONDEN

Ujian taburan frekuensi telah digunakan bagi membuat analisis deskriptif untuk kajian ini terhadap semua item dalam bahagian demografi.

4.3.1 Item Jantina

Daripada hasil data yang diperolehi, daripada jumlah responden didapati seramai 119 orang adalah lelaki iaitu 47.6 peratus dan perempuan seramai 131 orang iaitu 52.4 peratus.




Rajah 4.1: Item Jantina

Universiti Utara Malaysia

4.3.2 Item Umur


Item umur di pecahkan kepada beberapa peringkat. Untuk peringkat umur 21-30 tahun bilangan responden adalah seramai 139 orang iaitu sebanyak 55.6 peratus, peringkat umur 31-40 tahun adalah seramai 62 orang iaitu sebanyak 24.8 peratus, peringkat umur 41-50 tahun seramai 40 orang iaitu 16 peratus dan 51 tahun ke atas seramai 9 orang iaitu sebanyak 3.6 peratus.



Rajah 4.2: Item umur

4.3.3 Item Bangsa


Terdapat empat kategori untuk Item bangsa iaitu bangsa Melayu, India, Cina dan lain-lain. Untuk bangsa Melayu adalah seramai 220 orang iaitu 88 peratus, bangsa India adalah seramai 12 orang iaitu 4.8 peratus, bangsa Cina adalah seramai 12 orang iaitu 4.8 peratus dan bagi lain-lain bangsa adalah seramai 4 orang iaitu 1.6 peratus.



Rajah 4.3: Item bangsa

4.3.4 Item Tahap Pendidikan


Terdapat empat tahap pendidikan untuk item ini. Bagi mereka yang mempunyai tahap pendidikan PMR/SPM/Sijil adalah seramai 171 orang iaitu 68.4 peratus, bagi tahap pendidikan Diploma/STPM adalah seramai 48 orang iaitu 19.2 peratus, bagi tahap pendidikan Ijazah/Sarjana pula adalah sebanyak 30 orang iaitu 12 peratus dan bagi Doktor Falsafah adalah 1 orang iaitu sebanyak 4 peratus.



Rajah 4.4: Item pendidikan

4.3.5 Item Status Pekerjaan


Terdapat tiga jenis status pekerjaan di kilang Shorubber iaitu pekerja tetap, kontrak dan sementara. Bagi responden yang berstatus pekerja tetap adalah seramai 223 orang iaitu 92.8 peratus, pekerja kontrak adalah seramai 9 orang iaitu 3.6 peratus dan pekerja sementara untuk tempoh bawah 6 bulan adalah seramai 9 orang iaitu 3.6 peratus.



Rajah 4.5: Item status pekerjaan

4.3.6 Item Tempoh Pekerjaan

Bagi pekerja yang telah bekerja untuk tempoh 2 tahun kebawah adalah seramai 72 orang iaitu 28.8 peratus, untuk pekerja yang bekerja lebih dari 3 tahun hingga ke 5 tahun adalah seramai 76 orang iaitu sebanyak 30.4 peratus, untuk pekerja yang berkhidmat lebih dari 6 tahun hingga tahun adalah seramai 43 orang iaitu 17.2 peratus dan pekerja yang berkhidmat lebih daripada 9 tahun ke atas adalah seramai 59 orang iaitu 23.6 peratus. Daripada hasil kajian didapati kebanyakan pekerja shorubber adalah mereka yang bekerja lebih dari 3 tahun ke atas.



Rajah 4.6: Item tempoh pekerjaan

4.4 ANALISIS DESKRIPTIF

Untuk menilai tahap pandangan responden terhadap item atau pemboleh ubah yang dikaji, kaedah secara analisis deskriptif digunakan. Purata jawapan responden terhadap item tingkah laku keselamatan akan dikaji. Nilai titik tengah atau purata skor jawapan bagi pembolehubah akan menentukan tahap pandangan responden kepada tinggi, sederhana dan rendah (Healy, 2005).

- Kategori skor min adalah seperti yang berikut:

Rendah = 1.00 hingga 2.25

Sederhana = 2.26 hingga 3.75

Tinggi = 3.76 hingga 5.00

Bagi mengukur hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan pekerja di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd., kaedah analisis

deskriptif telah digunakan dalam kajian ini. Skala Likert 1 hingga 5 telah digunakan dalam kajian ini iaitu seperti dibawah:

Skala

1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Kurang setuju
4	Setuju
5	Sangat setuju

Berikut di bawah adalah merupakan hasil analisis daripada data yang diperolehi:

Jadual 4.1
Statistik Diskriptif

	N	Mean	Sisihan Piawai
Prestasi Keselamatan	250	3.6018	.56755
Pematuhan Keselamatan	250	3.0320	.93271
Penyertaan Keselamatan	250	4.0576	.66432
Pengurusan Keselamatan	250	3.8382	.43155
Komitmen Pengurusan	250	3.8620	.49351
Latihan Keselamatan	250	4.1088	.63271
Penglibatan Kakitangan	250	4.0930	.58392
Komunikasi dan Maklumbalas Keselamatan	250	2.9827	1.03752
Peraturan Dan Prosedur Keselamatan	250	4.0960	.58580
Dasar Mempromosikan Keselamatan	250	3.6328	.70685

Jadual di atas menunjukkan nilai min yang tertinggi bagi pemboleh ubah bebas adalah latihan keselamatan (min=4.1088, sp = 0.63271). Keputusan ini menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan kebanyakan pernyataan yang menerangkan tentang latihan keselamatan oleh pihak pengurusan. Ianya diikuti dengan peraturan dan prosedur keselamatan (min= 4.096, sp=0.58580), penglibatan kakitangan berada ditempat ketiga (min= 4.093, SP=0.58392). Ianya diikuti dengan item komitmen pengurusan (min=3.862,sp=0.49351), dasar mempromosikan keselamatan (min=3.6328, sp=0.70685), komunikasi dan maklumbalas keselamatan (min=2.9827, sp=1.03752).

Bagi pemboleh ubah bersandar pula, nilai min yang tertinggi adalah penyertaan keselamatan (min=4.0576, sp=0.66432) dan pematuhan keselamatan adalah (min=3.0320, sp=0.93271).

4.5 UJIAN KORELASI

Menurut Cooper & Schindler (2003), analisis korelasi merupakan analisis yang melibatkan dua atau lebih pemboleh ubah. Analisis korelasi adalah sesuai digunakan bagi mengenal pasti jenis keserasian, menerangkan hubungan yang kompleks antara faktor-faktor yang dapat menjelaskan hasil dan juga meramal hasil daripada factor peramal (Creswell,2005). Bagi mengukur perkaitan linear antara dua pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar, korelasi pearson boleh digunakan untuk menunjukkan signifikan, arah (positif atau negative) serta kekuatan setiap hubungan yang wujud antara pembole ubah. Nilai korelasi dan kekuatan hubungan perkaitan di antara pemboleh ubah- pemboleh ubah yang telah dibangunkan oleh Davis (1971) adalah seperti jadual berikut:

Jadual 4.2

Nilai Korelasi dan Kekuatan Hubungan Nilai Korelasi Kekuatan Hubungan

<u>Nilai korelasi</u>	<u>Kekuatan hubungan</u>
±0.70 keatas	Sangat kuat
±0.50 hingga 0.69	Kuat
±0.30 hingga 0.49	Sedeharna
±0.10 hingga 0.29	Lemah
±0.01 hingga 0.09	Sangat lemah

Daripada hasil kajian di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd., didapati nilai korelasi antara dasar mempromosikan keselamatan terhadap prestasi keselamatan adalah yang tertinggi iaitu $r=0.413$, $p<0.01$, diikuti oleh komunikasi keselamatan $r=0.406$, $p<0.01$, komitmen pengurusan $r=0.228$, $p<0.01$, peraturan dan prosedur keselamatan $r=0.224$, $p<0.01$, penglibatan kakitangan $r=0.156$, dan latihan pengurusan 0.068 . Bagi nilai pekali korelasi (r) yang mempunyai nilai positif, ianya menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara pemboleh ubah- pemboleh ubah yang berkaitan.

Jadual 4.3

Analisa Kolerasi Pearson di antara Pengurusan Keselamatan dengan Prestasi Keselamatan

	1	2	3	4	5	6	7
Prestasi Keselamatan	1						
Komitmen Pengurusan	0.228**	1					
Latihan Pengurusan	0.068	0.668**	1				

Penglibatan Kakitangan	0.156*	0.684**	0.736**	1		
Komunikasi	0.406**	-0.051	-	-	1	
Keselamatan			0.181**	0.206**		
Peraturan dan Prosedur	0.224**	0.602**	0.637**	0.707**	0.141*	1
Keselamatan						
Dasar Mempromosikan	0.413**	0.396**	0.408**	0.439**	0.182**	0.476** 1
Keselamatan						

Nota: N=250; **p< 0.01 tahap (1-tailed)

4.6 ANALISIS REGRASI BERGANDA

Untuk memahami hubungan antara dimensi amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan, maka analisis regresi telah dilakukan. Daripada hasil analisis berganda yang telah dijalankan, ianya dapat menjelaskan sejauh mana kriteria varians bagi pemboleh ubah bersandar boleh dikaitkan dengan peramal (pemboleh ubah bebas) (Zikmund et al., 2010). Hasil daripada analisis regresi bagi kajian ini adalah seperti dalam jadual dibawah.

Hasil daripada analisis regresi menunjukkan bahawa amalan pengurusan keselamatan secara keseluruhan adalah 32.2 peratus varian terhadap prestasi keselamatan ($R^2=0.322$, $F=19.230$, $p<0.05$). Hanya tiga sahaja yang berjaya meramal prestasi keselamatan secara signifikan daripada enam peramal yang dikaji. Peramal-peramal yang berjaya meramal secara signifikan adalah komunikasi keselamatan dan maklumbalas ($B=.194$, $t=6.155$, $p<0.05$) dan dasar mempromosikan keselamatan ($B=.226$, $t=4.361$, $p<0.05$). Manakala peramal yang tidak berjaya

meramal secara signifikan adalah latihan keselamatan ($B=-.198$, $t=-2.603$, $p>0.05$), komitmen pengurusan ($B=.175$, $t=1.937$, $p>0.05$), penglibatan kakitangan ($B=.058$, $t=.644$, $p>0.05$), dan peraturan dan prosedur keselamatan ($B=.142$, $t=1.823$, $p>0.05$).

Jadual 4.4

Analisa Regresi bagi Amalan Pengurusan Keselamatan dan Prestasi Keselamatan

	Unstandardized		Standardized	t	Sig.
	Coefficients		Coefficients		
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	1.517	.280		5.411	.000
Komitmen Pengurusan	.175	.091	.153	1.937	.054
Latihan Keselamatan	-.198	.076	-.221	-2.603	.010
Penglibatan Kakitangan	.058	.091	.060	.644	.520
Komunikasi Keselamatan dan Maklumbalas	.194	.032	.355	6.155	.000
Peraturan Dan Prosedur Keselamatan	.142	.078	.146	1.823	.070
Dasar Mempromosikan Keselamatan	.226	.052	.282	4.361	.000

Pembolehubah Bersandar: Prestasi Keselamatan

R Square = 0.322

F = 19.230

* $p < 0.05$

4.7 ANALISA HIPOTESIS

Keputusan hipotesis adalah seperti berikut:

<u>Hipotesis</u>	<u>Keputusan</u>
H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen pengurusan dan prestasi keselamatan.	DITOLAK
H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara latihan keselamatan dan prestasi keselamatan.	DITOLAK
H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan kakitangan dan prestasi keselamatan.	DITOLAK
H4: Terdapat hubungan yang signifikan antara komunikasi dan maklumbalas keselamatan dengan prestasi keselamatan.	DITERIMA
H5: Terdapat hubungan yang signifikan antara peraturan dan prosedur keselamatan dengan prestasi keselamatan.	DITOLAK
H6: Terdapat hubungan yang signifikan antara dasar mempromosikan keselamatan dan prestasi keselamatan.	DITERIMA

4.8 KESIMPULAN

Bab ini membincangkan hasil yang diperolehi daripada analisis deskriptif dan inferensi. Daripada hasil analisis, didapati kesemua dimensi dalam pemboleh ubah bebas adalah mempunyai hubungan yang positif terhadap prestasi keselamatan tetapi setelah analisis regresi berganda dilakukan, hanya tiga dimensi sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi keselamatan pekerjaan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. iaitu latihan keselamatan, komunikasi dan maklumbalas keselamatan dan dasar mempromosikan keselamatan.



BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini akan dibincangkan secara ringkas tentang kajian yang telah dilakukan mengenai hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan. Kesimpulan yang diperolehi adalah hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi dan melalui kajian lepas. Beberapa cadangan untuk penambahbaikan prestasi keselamatan di Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. juga akan diberikan. Di akhir bab ini, kesimpulan secara menyeluruh akan diberikan.

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan tentang hubungan amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah borang soal selidik yang diedarkan kepada pekerja kilang Shorubber bagi mendapatkan data berkenaan hubungan antara pemboleh ubah bebas dan bersandar bagi kajian ini. Pemboleh ubah bebas bagi kajian ini adalah amalan pengurusan keselamatan yang terdiri daripada enam dimensi iaitu komitmen pengurusan, latihan keselamatan, penglibatan pekerja, komunikasi dan maklumbalas keselamatan, peraturan dan prosedur keselamatan dan dasar mempromosikan keselamatan. Manakala pemboleh ubah bersandar adalah prestasi keselamatan yang terdiri daripada dua dimensi iaitu pematuhan keselamatan dan penyertaan keselamatan. Melalui kajian ini kita akan dapat melihat bahagian amalan pengurusan keselamatan yang lemah yang mempengaruhi prestasi keselamatan pekerja kilang Shorubber.

5.3 PERBINCANGAN DAN HASIL DAPATAN KAJIAN.

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang telah diperolehi.

5.3.1 Prestasi keselamatan

Hasil analisis dibincangkan bagi menjawab objektif kajian dan persoalan kajian. Daripada hasil analisis deskriptif, didapati nilai min bagi item prestasi keselamatan adalah sebanyak 3.6018 dan ini menunjukkan bahawa tahap prestasi keselamatan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. adalah sederhana dan mencapai objektif kajian ini untuk menilai tahap prestasi pekerjaan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Tahap prestasi keselamatan yang sederhana mungkin adalah disebabkan oleh faktor amalan pengurusan keselamatan oleh pihak pengurusan kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. yang masih belum cukup kuat untuk meningkatkan prestasi keselamatan di kalangan pekerja.

5.3.2 Amalan pengurusan keselamatan

Bagi pengurusan keselamatan pula, hasil analisis mendapati nilai min bagi setiap dimensi adalah seperti berikut; komitmen pengurusan (min=3.8620), latihan keselamatan (min=4.1088), penglibatan kakitangan (min=4.0930), komunikasi keselamatan dan maklumbalas (min=2.9827), peraturan dan prosedur keselamatan (min=4.0960) dan dasar mempromosikan keselamatan (min=3.6328). Nilai-nilai min bagi amalan pengurusan keselamatan tersebut mencapai objektif kajian yang kedua iaitu melihat adakah pekerja mengamalkan amalan pengurusan keselamatan di kilang

Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Secara keseluruhannya, tahap semua dimensi bagi amalan pengurusan keselamatan mempunyai nilai min pada tahap yang sederhana dan tinggi. Ini menunjukkan sistem pengurusan keselamatan yang diamalkan oleh organisasi belum mencapai tahap yang memuaskan untuk meningkatkan prestasi keselamatan dikalangan pekerja kilang.

5.3.3 Hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan prestasi

keselamatan

Hasil daripada analisis korelasi dan regrasi berganda yang dijalankan, objektif serta persoalan kajian yang ketiga dapat dicapai dan dijawab iaitu untuk mengenal pasti hubungan yang wujud di antara amalan pengurusan keselamatan dan juga prestasi keselamatan di kalangan pekerja kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Hasil analisis mendapati kesemua dimensi dalam amalan pengurusan keselamatan mempunyai hubungan yang positif terhadap prestasi keselamatan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd.

5.4 CADANGAN KEPADA ORGANISASI

Hasil daripada kajian ini, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira bagi meningkatkan hubungan antara amalan pengurusan keselamatan terhadap prestasi keselamatan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Ini adalah kerana hasil kajian menunjukkan hubungan antara amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan adalah sederhana. Komitmen pengurusan terhadap amalan pengurusan keselamatan haruslah di pertingkatkan bagi memastikan amalan pengurusan

keselamatan dapat dilakukan dengan lebih bersungguh-sungguh bagi meningkatkan prestasi keselamatan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd.

Selain itu, penekanan haruslah diberikan kepada penglibatan kakitangan dalam amalan pengurusan keselamatan. Kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. boleh memperbanyakkan aktiviti keselamatan pekerjaan di kalangan pekerja bagi meningkatkan penglibatan kakitangan dan prestasi keselamatan.

Peraturan dan prosedur keselamatan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. haruslah diberi penekanan bagi memastikan para pekerja lebih bertanggungjawab terhadap pentingnya amalan pengurusan keselamatan.



UUM
Universiti Utara Malaysia

5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian terhadap hubungan antara amalan pegurusan keselematan dan prestasi keselamatan dapat di perluaskan lagi kepada dimensi prestasi keselamatan yan lain. Sample kajian boleh di pilih daripada sektor pekerjaan yang lain yang mungkin lebih berpotensi tinggi untuk berlakunya kemalangan pekerjaan. Saiz sample juga boleh di perluaskan lagi bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih jitu dan tepat terhadap amalan pengurusan keselamatan pekerjaan.

Kajian lanjutan juga boleh dilakukan dan menfokuskan kepada pekerja asing yang bekerja dalam kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. memandangkan mereka datang daripada latar belakang yang berbeza daripada pekerja tempatan di kilang


tersebut. Pekerja asing mungkin mempunyai pemahaman dan cara mereka yang tersiri berkenaan amalan pengurusan keselamatan di tempat kerja.

5.6 LIMITASI KAJIAN

Terdapat beberapa limitasi yang dikenal pasti semasa kajian dilakukan iaitu,

5.6.1 Faktor kewangan dan masa

Semasa kajian ini dilakukan, faktor masa adalah terhad di mana tempoh antara borang soal selidik diedarkan dan borang soal selidik dikutip kembali hanya mengambil masa lebih kurang dua minggu. Selain itu, bagi memastikan kerjasama yang baik daripada responden, hadiah saguhati berbentuk pen telah diberikan kepada responden. Memandangkan pengkaji hanya mampu menyediakan 250 batang pen sahaja berbanding jumlah sample size adalah 335 orang.



5.6.2 Faktor skop dan lokasi kajian

Dalam kajian ini hanya satu kilang sahaja yang ambil sebagai sample kajian. Oleh itu saiz sample adalah terhad bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih tepat. Selain itu, lokasi kajian juga adalah antara salah satu sebab kerana kilang-kilang di Perlis adalah sedikit dan terletak jauh antara satu sama lain.

5.6.3 Faktor penglibatan responden

Hasil kutipan borang soal selidik, didapati hanya 250 borang soal selidik sahaja yang dapat dikutip balik iaitu sebanyak 74.6 peratus. Ini menunjukkan tidak semua

responden sudi memberikan kerjasama semasa kajian ini dilakukan dan mengurangkan peratus hasil kajian yang dilakukan.

5.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian ini telah menjawab semua persoalan dan objektif kajian ini iaitu berkaitan amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan di kalangan pekerja di Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Secara keseluruhannya, amalan prestasi keselamatan yang diamalkan di Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. mempunyai hubungan yang positif terhadap prestasi keselamatan pekerja. Walaubagaimanapun terdapat beberapa amalan pengurusan keselamatan yang mempunyai nilai hubungan yang lemah terhadap prestasi keselamatan pekerja. Oleh itu, dalam kajian ini beberapa cadangan yang telah dikemukakan bagi membantu organisasi memperbaiki amalan pengurusan keselamatan organisasi bagi meningkatkan prestasi keselamatan di kilang Shorubber (Malaysia) Sdn. Bhd. Kajian ini juga diharap dapat membantu mereka yang ingin melakukan kajian atau memahami lebih mendalam tentang hubungan amalan pengurusan keselamatan dan prestasi keselamatan terutamanya kajian dalam sektor yang sama iaitu sektor perkilangan.

RUJUKAN

Abdullah, N. C., Spickett, J. T., Rumchev, K. B., & Dhaliwal, S. S. (2009). *Assessing employees perception on health and safety management in public hospitals*. *International Review of Business Research Papers*, 5(4), 54-72.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Ali M. Alhemood Ashraf M. Genaidy, Richard Shell, Michael Gunn & Christin Shoaf (2004). *Towards a Model of Safety Climate Measurement*. *International Journal of Occupational Safety and Ergonomics (JOSE)*, Vol. 10, No. 4, 303–318.

Arboleda, A., Morrow, P. C., Crum, M. R., & Shelley, M. C. (2003). *Management practices as antecedents of safety culture within the trucking industry: similarities and differences by hierarchical level*. *Journal of Safety Research*, 34, 189–197.

Cameron Iain Hare Billy Duff Roy, (2013), "An analysis of safety advisor roles and site safety performance", *Engineering, Construction and Architectural Management*, Vol. 20 Iss 5 pp. 505 – 521

D'íaz-Cabrera, D., Hern´andez-Fernaund, E., & Isla-DE´íaz, R. (2007). *An evaluation of a new instrument to measure organisational safety culture values and practices*. *Accident Analysis and Prevention*, 39, 1202–1211.

Dorji, K., Bonaventura H.W.H., (2006), *Safety management practices in the Bhutanese Construction Industry*. *Journal of Construction in Developing Countries*, Vol 11, No 2

Eiff, G. (1999). *Organizational safety culture*. Paper presented at the Proceedings of the Tenth International Symposium on Aviation Psychology, Columbus, OH: Department of Aviation.

Geller, E. S., & Williams, J. (2001). *Keys to behaviour-based safety from Safety Performance Solutions*. Rockville: Government Institutes.

Jones, R.(2005b), *What Practitioners Do: A Survey of UK Registered Safety Practitioners to Determine their Roles and Tasks*, Institution of Occupational Safety and Health, Wigston, Leicester.

- Karasek, R., & Theorell, T. (1990). The psychosocial work environment. In *Healthy work stress, productivity, and the reconstruction of working life* (pp.31-82). New York, NY: Basic Books.
- Kletz, T. A. (1993). *Lessons from disaster: How organizations have no memory and accidents recur*. United Kingdom: Institution of Chemical Engineers.
- Lu, C. S., & Yang, C. S. (2010). Safety leadership and safety behaviour in container terminal operations. *Safety Science* 48, 123–134.
- New Straits Times (NST) (2004), “Workplace accidents on the rise”, New Straits Times, December 2, pp. 16.
- Osterman, P. (1995). Skill, training, and work organization in American establishments. *Industrial Relations*, 34, 125–146.
- Pandey, S. K., & Garnett, J. L. (2006). Exploring public sector communication performance: testing a model and drawing implications. *Public Administration Review*, 66(1), 37-51
- Poulston, J. (2008). Hospitality workplace problems and poor training: A close relationship. *International Journal of Contemporary Hospitality Management*, 20(4), 412-427
- Vinodkumar, M. N., & Bhasi, M. (2010). Safety management practices and safety behaviour: Assessing the mediating role of safety knowledge and motivation. *Accident Analysis & Prevention*, 42(6), 2082-2093.
- Vredenburg, A. G. (2002). Organizational safety: which management practices are most effective in reducing employee injury rates?. *Journal of Safety Research*, 33(2), 259-276.
- Xunpeng, S., (2009) have government regulations improves workplace safety? A test of the asynchronous regulatory effects in china’s coal industry, 1995-2006. *Journal of Safety Research*, 40 207-213

Young, S. L., Brelsford, J. W., &Wogalter, M. S. (1990). Judgments of hazard, risk and anger: Do they differ. Paper presented at the Human Factors Society 34th Annual Meeting, Santa Monica, USA.

